

Keratan Akhbar bertarikh 29 Ogos 2016

Sinar Harian

Tekat Gubah Bunga Tanjung terpanjang diiktiraf Malaysia Book of Records

SHAH ALAM - Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat) mencatat sejarah tersendiri apabila Tekat Gubah Bunga Tanjung diiktiraf yang terpanjang dalam Malaysia Book of Records, di sini kelmarin.

Proses tekat gubah untuk menghasilkan tekat berukuran 9 meter (panjang) x 0.91 meter (lebar) ini bermula 21 Mei lalu dan siap sepenuhnya, kelmarin.

Potongan terakhir benang dilakukan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan,

Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi yang juga Pengerusi Padat, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Penghasilan sulaman tekat ini melibatkan 31 penyulam dengan 21 orang daripada Padat dan 10 daripada Persatuan Pakar Pembuatan Kraf

dan Sulam Tangan Kuala Lumpur (Scheme).

Inisiatif ini adalah kerjasama antara Padat dan Scheme dengan sokongan Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor serta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Selangor.

Ahmad Yunus berkata, sulaman tekat ini dipilih Padat berdasarkan penggunaannya yang meluas pada pakaian busana dan hiasan keluarga diraja di Selangor sejak awal zaman Kesultanan Selangor hingga kini.

"Selain itu, kos bahan juga murah berbanding tekat suji," katanya.

Beliau berkata, hasil sulaman itu mengetengahkan motif bunga tanjung sembilan kelopak yang merupakan bunga rasmi Selangor.



Ahmad Yunus ketika meneliti tekat gubah yang dimuatkan dalam Malaysia Book of Records, kelmarin.